

11 JUL 1997

Langkawi (Laporan Khas)

LANGKAWI SELEPAS 10 TAHUN SEBAGAI PULAU BEBAS CUKAI

Oleh: Nor Hammad Wariman

LANGKAWI, 11 Julai (Bernama) -- Selepas 10 tahun Langkawi mendapat status pulau bebas cukai, ia kini merupakan antara daerah paling pesat membangun di negara ini.

Daripada sebuah pulau terpencil, ia kini muncul bukan sahaja sebagai destinasi pelancongan tetapi juga pusat persidangan dan pameran antarabangsa serta tuan rumah kepada beberapa acara sukan antarabangsa.

Ia mula menjadi tumpuan antarabangsa apabila dijadikan tempat perentian bagi ketua-ketua kerajaan Komanwel yang menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) pada 1989.

Sejak itu Langkawi terus membangun dengan begitu pesat dan ia terbukti dengan kesibukan pihak yang bertanggungjawab menyiapkan kemudahan prasarana sehingga ada di antaranya menimbulkan keadaan tidak selesa di kalangan penduduk dan pelancong.

Keadaan jalan raya yang berdebu dan berlubang-lubang kini terpaksa diharungi penduduk dan pengunjung ke pulau ini.

Bagaimanapun seorang anggota exco kanan Kedah memberi jaminan keadaan berdebu itu hanya sementara dan ia membuktikan pembangunan sedang pesat berjalan yang menjanjikan keadaan dan masa depan yang lebih baik untuk Langkawi.

Pada awal 80an tiada jalan yang berdebu, tiada kesesakan jalan raya dan tiada pembangunan yang membuatkan pulau ini kelihatan sesibuk hari ini.

Pada waktu itu tiada kedai bebas cukai, Dataran Lang, Galeria Perdana, Taman Legenda Langkawi, taman tema air Aquabeat, Underwater World, Taman Buaya, Taman Laut Pulau Payar ataupun hotel bertaraf lima bintang yang menjadi kebanggaan penduduk dan menarik beribu-ribu pelancong ke pulau ini.

Langkawi waktu itu hanya mampu menawarkan kepada pelancong beberapa tinggalan lagenda Mahsuri seperti Makam Mahsuri, Telaga Tujuh, Beras Terbakar dan kesempatan membeli minyak atau air gamat, ikan bilis dan tembakau Jawa di gerai berdekatan sungai di pekan Kuah.

Tanah di Langkawi pada masa itu juga tidak berharga sehingga ada di antara penduduk tempatan yang menjual sejumlah besar tanah mereka dengan harga yang murah dengan harapan untuk memulakan kehidupan lebih baik di tanah besar.

Bagaimanapun, 1987 merupakan tahun keramat bagi penduduk Langkawi apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mempunyai banyak kenangan manis ketika bertugas sebagai pegawai perubatan di pulau ini pada tahun-tahun 50an, telah memberikan status bebas cukai kepada Langkawi.

Pemberian status itu berdasarkan hasil pengamatan beliau yang mendapati pulau ini berpotensi besar sebagai pusat pelancongan antarabangsa.

Bagaikan seorang pawang, serampah jampinya berjaya menjadi penawar kepada sumpah Mahsuri dan kini ia bukan lagi padang jarak padang tekukur tetapi berubah menjadi padang sorak padang bersyukur.

Hasil pemberian status itu, telah membuka era baru kepada ekonomi Langkawi apabila harga tanah meningkat yang sekaligus melahirkan beberapa jutawan. Peluang perniagaan dan pekerjaan telah terbuka luas bukan sahaja di kalangan penduduk Langkawi tetapi juga kepada penduduk di tanah besar.

Ramai yang kini menempa nama dalam bidang perniagaan terutama dalam urusanniaga barangan bebas cukai dan pengusaha resort, chalet dan hotel di sini.

Atas inisiatif Perdana Menteri juga beberapa acara bertaraf

antarabangsa kini menjadi seiring dengan nama Langkawi seperti Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi yang diadakan dua tahun sekali bermula pada 1991 dan Dialog Antarabangsa Langkawi yang memasuki tahun ketiga tahun ini.

Yang terbaru kerajaan negeri mahu menubuhkan Langkawi International University Of Tomorrow yang berkonsepkan futuristik dengan menawarkan pengajian dalam bidang kajian sains angkasalepas, kajian laut, robotik, pelancongan dan sukan.

Universiti itu akan dibuka di sebuah kawasan seluas 200 hektar di Pulau Tuba, sebuah pulau dalam gugusan Langkawi dan akan mengambil kumpulan pertama pelajar pada pertengahan tahun depan.

Kemasukan pelancong juga terus meningkat dari setahun ke setahun dan pada 1995, seramai 1.8 juta pelancong mengunjungi Langkawi dan jumlah itu dijangka meningkat lebih dua juta tahun ini.

Peningkatan itu antara lain disebabkan siapnya kemudahan dan infrastruktur lapangan terbang antarabangsa di sini yang mampu menampung pendaratan pesawat besar Boeing B747-400 awal bulan ini. Berbeza dengan 10 tahun lalu, lapangan terbang Langkawi hanya merupakan sebuah lapangan terbang kecil yang cuma mampu mengendalikan kira-kira 17,000 penumpang setahun.

Ini dan banyak lagi rancangan pembangunan yang sedang dalam pertimbangan akan menjamin pertumbuhan pesat pulau ini di masa akan datang. -- BERNAMA

NH RON